



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI TEKNIK PEPPER'S GHOST DALAM Diorama Panggung Mak Yong Kelantan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AHMAD ALIF ASHRAF BIN MOHD ROZALI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI TEKNIK PEPPER'S GHOST DALAM DIORAMA PANGGUNG MAK YONG KELANTAN

AHMAD ALIF ASHRAF BIN MOHD ROZALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11.....(hari bulan) APRIL..... (bulan) 2023.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, AHMAD ALIF ASHRAF BIN MOHD ROZALI (M20201000700) FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk APLIKASI TEKNIK PEPPER'S GHOST DALAM DIORAMA PANGGUNG MAK YONG KELANTAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. MOHD KIPLI BIN ABDUL RAHMAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk APLIKASI TEKNIK PEPPER'S GHOST DALAM DIORAMA PANGGUNG MAK YONG KELANTAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

11 APRIL 2023

Tarikh



Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

APLIKASI TEKNIK PEPPER'S GHOST DALAM DIORAMA
PANGGUNG MAK YONG KELANTAN

No. Matrik / Matric's No.:

M20201000700

Saya / I :

AHMAD ALIF ASHRAF BIN MOHD ROZALI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah Kesahaman atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11 APRIL 2023



Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkewajipan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukurnya saya ke hadrat ilahi dengan limpah dan kurniaNya kerana memberi kesempatan kepada saya bagi melaksanakan dan menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada P.M Dr Mohd Kipli Bin Abdul Rahman selaku penyelia utama yang banyak memberi nasihat dan panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menyiapkan kajian saya.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pembantu penyelia saya iaitu Dr Patricia Ann Hardwick kerana telah memberi tunjuk ajar, ruang dan peluang dalam usaha memperkuatkan kajian yang saya kaji. Segala ilmu yang saya peroleh mungkin tidak dapat saya kutip tanpa kerjasama yang baik daripada semua.

Ribuan ucapan terima kasih juga buat pihak IPS UPSI dan semestinya ahli keluarga saya yang banyak memberi sokongan kepada saya untuk meneruskan dan menyiapkan kajian ini. Akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan saya kerana banyak membantu dalam perkongsian idea yang bernalas untuk saya hasilkan kajian ini. Semoga Allah membala jasa kalian.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Penciptaan ini menghasilkan pengaplikasian teknik Pepper's Ghost ke dalam diorama panggung Mak Yong Kelantan. Bagi kajian ini telah dibina sebuah diorama panggung Mak Yong Kelantan yang berukuran 3.5x4 kaki dimana binaanya $\frac{1}{4}$ dari saiz sebenar panggung tradisional Mak Yong Kelantan iaitu 14x16 kaki dan juga di dalam diorama panggung tersebut diaplikasikan teknik Pepper's Ghost untuk mewujudkan figura tarian Mengadap Rebab. Kajian ini telah dijalankan di Kampung Gabus, Pasir Mas iaitu tempat tinggal informan panggung Mak Yong dan juga tempat kesenian Mak Yong dijalankan. Kajian ini dijalankan supaya generasi kini peka dengan bentuk panggung Mak Yong Kelantan dan pengaplikasian teknik Pepper's Ghost. Juga untuk memudahkan para pemain Mak Yong agar tidak perlu hadir ke panggung bagi membuat persempahan kerana figura mereka mampu diwujudkan dengan menggunakan aplikasi teknik Pepper's Ghosts sahaja dan juga dengan projek karya ini untuk pengkaji menerangkan sinografi merupakan sebuah proses untuk penghasilan sesebuah produksi. Dengan kajian ini pengkaji menekankan aspek tradisional dan teknologi dapat bergabung untuk pelestarian yang berterusan dan memberi impak positif pada generasi akan datang. Jadi kajian lapangan secara terperinci telah dilakukan, dimana data data dikumpul berdasarkan temu bual separa berstruktur dan menggunakan kaedah pemerhatian 'Participant Observation' yang melibatkan informan panggung Mak Yong Kelantan. Temu bual direkod secara bertulis, rakaman audio, video dan gambar. Pengkaji menggunakan teori 'Grounded Theory' untuk kajian ini dan juga dilakukan analisis bersama penelitian pustaka sebagai proses pengkaryaan. Fokus analisis kajian ialah mengenai proses pembuatan, rekabentuk dan struktur bagaimana diorama panggung dibina dan aplikasi teknik Pepper's Ghost berfungsi. Dengan dapatan kajian ini dapat mengisi kelopongan, menambah ilmu pengetahuan dalam kesenian diorama panggung Mak Yong Kelantan juga aplikasi teknik Pepper's Ghost dan secara langsung dapat mendalami lebih lagi dalam memperluaskan kajian atau penelitian yang akan datang.





APPLICATION OF PEPPER'S GHOST TECHNIQUE IN MAK YONG KELANTAN STAGE'S DIORAMA

ABSTRACT

This creation applied the Pepper's Ghost technique to the Mak Yong Kelantan stage diorama. For this study, a diorama of the Mak Yong Kelantan stage measuring 3.5x4 feet has been constructed, which is ¼ of the actual size of the traditional Mak Yong Kelantan stage, which is 14x16 feet. And also, in the stage diorama, the Pepper's Ghost technique has been applied to create the 'Mengadap Rebab' dance figure. This study was conducted in Kampung Gabus, Pasir Mas, the residence of Mak Yong's stage informant and where Mak Yong's art is performed. This study was conducted so that the current generation is aware of the form of the Mak Yong Kelantan stage and the application of Pepper's Ghost technique. Also, make it easier for the Mak Yong players not to come to the stage to perform because their figures can be created using the Pepper's Ghosts Technique application only. And this work project for researchers to explain scenography is a process for producing a production. With this study, the researcher emphasises that traditional aspects and technology can be combined for continuous preservation and positively impact future generations. So a detailed field study has been carried out. The data is collected using semi-structured interviews and the observation method 'Participant Observation' involving informants of the Mak Yong Kelantan stage. Interviews were recorded in writing, audio recordings, videos and photographs. The researcher used the 'Grounded Theory' theory for this study and carried out analysis and literature research as a work process. The focus of the research analysis is on the manufacturing process, design and structure of how the stage diorama is built and the application of the Pepper's Ghost technique. The findings of this study can fill the gap, add knowledge to Mak Yong Kelantan's stage diorama art and the application of Pepper's Ghost technique, and deepen further in expanding future studies or research.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x

BAB 1 PENGENALAN



1.1 Latar Belakang Kajian/ Inspirasi/Motivasi	
1.2 Matlamat Penciptaan	4
1.3 Objektif Penciptaan	8
1.4 Kontekstualisasi Topik	8
1.5 Imagination Idea Penciptaan	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR DAN KAJIAN KARYA KREATIF

2.1 Pengenalan	26
2.2 Sinografi	27
2.3 Diorama Panggung Mak Yong Kelantan	28
2.4 Teknik Pepper's Ghost	35
2.5 Kajian Literatur Sokongan	37
2.6 Kajian Karya Kreatif	40
2.7 Keaslian Ciptaan	48





2.8	Elemen Sinografi	49
2.9	Diorama Panggung Mak Yong Kelantan	50
2.10	Teknik Pepper's Ghost	52
2.11	Kesimpulan	54

BAB 3 KONSEP PENCIPTAAN

3.1	Kontekstualisasi Idea Penciptaan	56
3.2	Landasan Teori Penciptaan	60

BAB 4 PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF

4.1	Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan	65
4.2	Pendekatan Penciptaan	74

BAB 5 DESKRIPSI KARYA KREATIF

5.1	Pembentukan Karya	77
5.2	Struktur Karya	79
5.3	Program Persembahan	81



BAB 6 REFLEKSI DAN RUMUSAN

6.1	Refleksi	82
6.2	Rumusan	85
6.3	Cadangan	89

RUJUKAN





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Elemen Utama Kajian	11
4.1 Informan Panggung Mak Yong Kelantan	66
4.2 Proses Lakaran Panggung & Pengecilan ukuran asal kepada saiz (Diorama)	66
4.3 Lakaran Diorama Panggung Mak Yong Kelantan	67
4.4 Bahan utama pembinaan diorama panggung [Buluh]	68
4.5 Bahan atap diorama panggung [Daun Nipah]	69
4.6 Bilik Pengasuh & diorama Panggung Mak Yong Kelantan	70
4.7 Teknik Aplikasi Pepper's Ghost	71
4.8 Proses rakaman Tarian Mengadap Rebab bersama Tokoh & Aplikasi Teknik Pepper's Ghost dalam diorama panggung Mak Yong Kelantan	72
4.9 Projek karya kreatif aplikasi Teknik Pepper's Ghost dalam diorama panggung Mak Yong Kelantan	73





SENARAI SINGKATAN

ASEAN	Association of South East Asian Nation
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
IPS	Institut Penyelidikan Siswazah
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
PAS	Parti Islam Semalaysia
PASEA	Performing Arts of South East Asia
SEAMEO	Southeast Asian Ministers of Education Organizations
SPAFA	Southeast Asian Archeology and Fine Arts
UMI	Universite Multiculturelle Internationale
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia





BAB 1

PENGENALAN



Pencetus inspirasi bagi kajian ini apabila pengkaji baru pulang dari menghabiskan pengajian dalam diploma teater dan sarjana muda sinografi, cuba untuk melihat kesenian tradisional yang popular di Kelantan, pengkaji mendapati kesenian paling popular di negeri Kelantan ialah kesenian tradisional Mak Yong. Namun, ini merupakan sebuah pengetahuan baru buat pengkaji kerana ketika berada di pusat pengajian, dimana lebih terdedah kepada kesenian atau pementasan yang mengikut trend atau urban, jadi setelah pulang ke Kelantan pengkaji yang merupakan anak jati Kelantan cuba mendalami kesenian tradisional yang terkenal di Kelantan kerana sebagai pengiat seni juga pencinta budaya pengkaji cuba mengangkat identiti juga latar belakang kesenian tradisi negeri sendiri, lebih lagi dalam aspek sinografi. Setibanya di Kelantan pengkaji telah menonton beberapa siri pementasan Mak Yong yang agak





menarik cuma dari sudut sinografi fokus banyak diberikan pada aspek busana tatarias dan pencahayaan sahaja. Tambahan lagi setiap pementasan diadakan di dalam ruangan dewan konvensional juga auditorium moden yang telah disediakan.

Jadi timbul persoalan bagi pengkaji bagaimanakah rupa bentuk panggung tradisional Mak Yong Kelantan? Ini telah mencetuskan tanda tanya buat pengkaji dan sekali gus menjadi titik tolak buat pengkaji mendalam panggung Mak Yong Kelantan kerana kesenian tradisional ini begitu menarik dari semua aspek termasuk pada jalan cerita, keaslian, sejarah dan sebagainya namun kurang penekanan pada aspek ruang atau panggung. Persembahan di Malaysia sentiasa dihidangkan dengan pementasan yang tidak lari dari elemen set, busana, bunyi dan juga pencahayaan, namun masih ramai yang tidak mengetahui bahawa elemen tersebut merupakan dibawah bidang sinografi kerana buat sesetengah penggiat atau sinografer, mereka kurang memberi penekanan pada aspek ruang atau panggung. Jadi pengkaji mendapat satu motivasi iaitu untuk melihat kembali dari aspek sinografi mengenai diorama panggung Mak Yong Kelantan dan juga cuba mencari teknologi yang boleh diaplikasi dalam elemen tersebut.

Selain itu, inspirasi yang membuatkan pengkaji tertarik untuk mendalam Mak Yong ini kerana di dapati kebanyakan penulisan akademik mengenai kesenian Mak Yong hanya berfokuskan kepada perkara seperti naskah, struktur cerita, pengarahan, lakonan, busana, sejarah dan sebagainya namun agak kurang kajian penulisan yang berfokuskan pada aspek panggung. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk melakukan kajian Mak Yong ini dalam aspek panggung. Bagi pengkaji mungkin kajian terhadap panggung ini kurang dilakukan kerana bahan berkaitan alam seperti buluh, daun nipah dan akar yang susah untuk diperolehi pada masa kini, juga di samping





ketahanan panggung yang tidak tahan lama kerana bahan tersebut akan mereput dan rosak. Oleh itu, pengkaji mencari penyelesaian bagaimanakah cara pelestarian yang terbaik boleh dilakukan supaya panggung ini terus diangkat. Mungkin salah satunya adalah melihat dari aspek sinografi dengan cara membina panggung dalam bentuk diorama. Seterusnya, mungkin juga dengan pembinaan diorama ini dapat mengatasi masalah kos sesebuah produksi kerana seperti kita ketahui untuk membina sebuah panggung ini memerlukan bajet yang agak tinggi.

Pengkaji cuba mengisi kelopongan kajian dengan mengambil diorama panggung Mak Yong Kelantan ini agar di lestarikan dan juga untuk masyarakat peka dengan teknologi moden yang dapat membantu mengangkat kesenian tradisional sebagai contohnya pengkaji mengunakan aplikasi teknik *Pepper's Ghost* kerana era globalisasi kini kesenian tradisional di tengelamkan oleh arus modernisasi dan tiada kesinambungan oleh pihak tertentu. Oleh itu dengan adanya kajian ini salah satu cara untuk menyelamatkan kesenian reka bentuk panggung Mak Yong Kelantan, tambahan lagi bangsal atau panggung tradisional Mak Yong ini tidak lagi dibina walaupun di kampung. Selain itu, inspirasi bagi pengkaji untuk menjalankan kajian ini adalah kerana tidak ramai tokoh yang mendalamai panggung tradisi Mak Yong jadi bagi pengkaji, kesenian panggung ini memerlukan pewaris supaya ianya terus dilestarikan. Setelah melakukan beberapa kajian, pengkaji menemui seorang informan yang merupakan pereka panggung pada zaman dahulu yang bernama Wan Midin Bin Wan Majid. Pengkaji menemui beliau bagi mendapatkan data data kajian, beliau juga berkongsi mengenai kesusahan untuk mempertahankan kesenian panggung Mak Yong, jadi terdetik buat pengkaji menyahut cabaran ini untuk melestarikan panggung Mak Yong Kelantan. Ini mungkin satu cabaran yang agak besar kerana seperti di ketahui





generasi kini yang semakin hilang minat terhadap kesenian tradisional dan meminati teknologi moden yang lebih mudah seperti persembahan virtual, hibrid dan sebagainya kerana adakah generasi kini mengetahui reka bentuk panggung Mak Yong Kelantan.

Jadi salah satu cara untuk menarik generasi ini adalah dengan cara mengabungkan elemen tradisional supaya estetika panggung dapat dikekalkan dandigabungkan dengan elemen moden untuk melihat keunikan apabila dua elemen ini bersatu. Sesebuah kesenian sentiasa berkait dengan pendidikan dimana ia bertujuan untuk mendidik masyarakat mengenai berharganya sesebuah kesenian tradisi, sebagai contoh bagi kajian yang memberi penekanan pada aspek panggung jadi ini dapat memberi didikan juga pengetahuan baru dari sudut struktur pembinaan diorama panggung. Selain mendidik, kajian ini juga bagi masyarakat yang sentiasa menginginkan sebuah hiburan untuk mengisi kehidupan masa lapang masing masing. Jadi pengiat seni perlu mengetahui bagaimana cara untuk memastikan masyarakat kini dalam masa berhibur, mereka juga dapat di didik dengan ilmu mengenai kesenian tradisional supaya hiburan dan pendidikan ini dapat disatukan antara satu sama lain seperti yang cuba dilakukan pengkaji iaitu menyatukan elemen tradisional dan moden. Menjadi tanggungjawab pengiat seni untuk memikirkan jalan penyelesaian kerana masyarakat atau generasi kini semakin kurang minatnya terhadap kesenian tradisional.

1.2 Matlamat Penciptaan

Matlamat atau sasaran pengkaji ialah lebih kepada pemberitahuan bahawa panggung Mak Yong itu terbuka kepada modifikasi dari aspek saiz sebenar kepada saiz tertentu





yang dimahukan menggunakan skala, dimana pengkaji telah membina diorama dan memasukkan aplikasi teknik moden didalam diorama panggung tersebut. Oleh itu, pengkaji mendapat idea untuk membina diorama panggung Mak Yong Kelantan dan mengaplikasikan teknik *Pepper's Ghost* didalam panggung. Jadi untuk kajian ini pengkaji telah membina sebuah diorama panggung Mak Yong Kelantan yang berukuran 3.5x4 kaki, iaitu $\frac{1}{4}$ atau suku dari saiz sebenar panggung yang berukuran 14x16 kaki.

Kajian ini untuk generasi akan datang bagi kefahaman dan tahu bagaimana rupa bentuk diorama panggung Mak Yong Kelantan juga apa itu teknik *Pepper's Ghost* kerana kajian ini bukan sahaja untuk pengiat seni namun ianya terbuka kepada sesiapa sahaja bagi mengetahui struktur dan pengetahuan budaya dalam pembinaan panggung Mak Yong Kelantan. Seperti dinyatakan dalam kesenian tradisi ini, persembahannya

masih diangkat dan di beri penekanan namun agak kurang diberi penekanan pada sudut ruang atau panggung, jadi berikut juga merupakan matlamat pengkaji supaya panggung ini dapat diangkat dan diberi keistimewaan. Masyarakat kini yang sudah terbiasa dengan budaya semasa yang mengikut trend terkini, membuatkan kesenian tradisional di Kelantan semakin kurang diberi perhatian bukan sahaja kesenian Mak Yong tetapi juga kesenian lain seperti Menora, Wayang Kulit dan sebagainya. Jadi ini perlahan lahan membunuh sesebuah kesenian tradisi dan membuatkan sebuah kesenian itu semakin hilang keasliannya. Kita dapat lihat kini pementasan Mak Yong semakin dimodenkan dan diminimalkan dari pelbagai aspek jadi sekurangnya dengan kajian ini dapat membantu menerangkan mengenai diorama panggung Mak Yong Kelantan. Kajian ini juga merupakan satu pendedahan untuk rakyat Kelantan sendiri supaya menghargai kesenian tradisional kerana jika di negara jiran seperti Indonesia mereka sangat menghargai dan mengangkat kesenian tradisional masing-masing di tahap





tertinggi.

Tambahan lagi, kesenian Mak Yong ini telah diiktiraf UNESCO, satu kerugian jika peluang ini tidak di manfaatkan oleh pengiat. Jadi pengkaji telah menjalankan proses pembuatan panggung dalam bentuk diorama bagi menaikkan kembali kesenian tradisional Mak Yong Kelantan. Sebagai contoh, jika ada sebarang pementasan Mak Yong, jadi panggung ini akan dijadikan model atau contoh untuk tontonan kerana ia merupakan sebuah diorama. Selain itu, sebagai anak Kelantan sendiri pengkaji mahu mengangkat kesenian tradisional agar seiring dengan kemajuan teknologi moden kerana jika bukan anak jati negeri sendiri yang memperjuang, melestarai dan mengangkat kesenian ini sebagai satu tanggungjawab jadi siapa lagi. Ini juga merupakan salah satu solusi bagi pihak berkenaan peka akan kepentingan panggung

dan generasi akan datang mempunyai tempat rujukan untuk diorama panggung Mak Yong Kelantan.

Selain itu, untuk memberi kefahaman dan didikan kepada golongan muda mengenai panggung Mak Yong Kelantan juga kepentingan diorama dalam aspek sinografi. Tambahan lagi, dalam era kini untuk menonton pementasan Mak Yong penonton perlu ke JKKN atau ke tempat tertentu untuk menyaksikan sesebuah pementasan, jadi buat yang tinggal di pedalaman tidak didedahkan dengan kesenian Mak Yong bukan sahaja Mak Yong Moden apa lagi Mak Yong tradisional. Panggung Mak Yong Kelantan sangat menarik kerana kebiasaanya di bina di kawasan kampung jadi ianya lebih dekat dengan alam dan lebih meriah dengan masyarakat, ini secara tidak langsung mengangkat kembali panggung Mak Yong kerana masyarakat pada zaman dahulu sudah terbiasa dengan kehidupan bergotong-royong dan kerjasama. Jadi





secara tidak langsung masyarakat pada zaman dahulu mempelajari bagaimana cara pembinaan dan reka bentuk panggung tradisional Mak Yong Kelantan yang dapat diselitkan sebagai aktiviti pendidikan dan juga aktiviti sosial. Mak Yong kini dari masa ke semasa merupakan bayangan kesenian tradisional dimana semakin hari semakin diadaptasi, jadi dengan menggunakan teknik *Pepper's Ghost* ini boleh kembali mengangkat tradisi lama. Menurut Roselina Johari Khir (2013), mengatakan “ejen dalam menyalurkan kreativiserta dapat menarik perhatian dan mencipta kecerdasan untuk kanak kanak”. Sesebuah kesenian harus diperkenalkan dan diterapkan pada generasi ketika masih kanak- kanak supaya minat ini dapat dipupuk dan diteruskan kerana dapat kita lihat kini agak kurang pendedahan mengenai kesenian tradisi yang diberikan pada golongan muda, oleh itu menjadi tanggung jawab pihak berkenaan bagi memastikan kesenian tradisional dapat dilestarikan terutamanya mengenai kesenian



Kajian ini mengguna pakai teknik *Pepper's Ghost* pada diorama panggung Mak Yong Kelantan dan pada teknik tersebut dimainkan tarian Mengadap Rebab, dengan aplikasi teknik ini memudahkan para pemain Mak Yong terutamanya tokoh supaya tidak perlu datang ke panggung untuk membuat persembahan kerana pengkaji telah melakukan rakaman awal untuk tarian Mengadap Rebab. Jadi penonton dapat menonton persembahan Mengadap Rebab pada skrin *Pepper's Ghost* dan pengkaji berharap dengan adanya kajian ini aplikasi teknik *Pepper's Ghost* semakin diguna pakai dalam persembahan di Malaysia dan berharap pengaplikasian teknik ini sesuai dengan citarasapenonton. Selain itu, elemen sinografi atau aspek kekaguman dapat menarik penonton untuk terus menyaksikan sesebuah persembahan jadi dengan gabungan teknologi dan tradisional mungkin dapat melahirkan idea baru kepada



produksi-produksi di Malaysia.

1.3 Objektif Penciptaan

1. Mengenalpasti struktur diorama panggung Mak Yong Kelantan
2. Pengaplikasian Teknik *Pepper's Ghost* pada diorama panggung Mak Yong Kelantan.

1.4 Kontekstualisasi Topik

Bagi kontekstualisasi topik pengkaji memberi penekanan pada aspek sinografi dalam diorama panggung Mak Yong Kelantan dan juga pengaplikasian teknik *Pepper's Ghost*. Pengkaji yang mengangkat elemen sinografi padamasyarakat cuba mengabungkan elemen teknologi dan elemen tradisional dimana bagi teknologi pengkaji mengaplikasikan Teknik *Pepper's Ghost* iaitu sebuah teknik menggunakan projeksi dan pantulan, manakala bagi elemen tradisional pula pengkaji telah membina sebuah diorama panggung Mak Yong Kelantan. Pengkaji juga telah menjalankan rakaman dan memprojeksikan tarian mengadap rebab di dalam diorama panggung kerana setelah melakukan kajian lapangan tarian Mengadap Rebab merupakan identiti dalam sebuah kesenian Mak Yong. Dengan itu, membuatkan penonton dapat menghayati tarian Mengadap Rebab dan melihat struktur reka bentuk panggung Mak Yong Kelantan.



Sinografi diertikan sebagai satu seni mencipta dan menghasilkan sesuatu rekaan yang digunakan bagi tujuan membuat persembahan di hadapan khalayak atau lebih jelas adalah kepada para penonton. Dalam bidang seni persembahan teater, sinografi dikatakan sebagai satu elemen yang penting dalam menjayakan sesebuah pementasan teater yang akan dipentaskan dimana mengandungi aspek kekaguman dan aspek sinografi ini memerlukan ruang untuk dipersembahkan iaitu pentas atau panggung jadi dengan adanya ruang ini dapat diaplikasikan semua aspek sinografi. Menurut Holt (1998), dalam bukunya *A Phaidon Theatre Manual Stage Design and Properties* “*a good set immediately presents the characters within a detailed frame*”. Pengkaji cuba mengangkat elemen sinografi ini dengan membina panggung Mak Yong Kelantan dan juga mengangkat aplikasi teknik *Pepper’s Ghost* kerana dengan cara ini dapat menarik masyarakat yang mahu melihat aspek kekaguman didalam sesebuah persembahan dan secara tidak langsung kesenian ini dapat dilestarikan.



Pengkaji menggunakan diorama panggung untuk dijalankan inovasi di dalamnya kerana aspek sinografi memerlukan sebuah ruang atau persekitaran latar yang bersesuaian. Antara elemen-elemen sinografi dalam seni persembahan teater ialah set prop, busana tatarias, pencahayaan dan audio bunyi. Keempat elemen sinografi sangat penting dalam sesebuah naskah teater yang dipentaskan kerana ianya dapat memberi impak yang sangat besar terhadap nilai-nilai estetikanya yang tersendiri. Dalam kesenian Mak Yong kini kebanyakan fokus diberi pada aspek busana tatarias dan pencahayaan sahaja berbanding set prop atau ruang panggung, ini kerana pementasan Mak Yong kini di adakan di ruang atau dewan konvensional yang sudah ditetapkan limitasinya. Oleh itu, sebagai seorang sinografer pengkaji mahu memberi penegasan mengenai aspek sinografi supaya kesemua elemen sinografi didalam persembahan Mak





Yong perlu diangkat sama rata dan sebolehnya aspek panggung atau ruang perlu diberi keutamaan kerana kedua elemen ini merupakan asas sebuah persembahan.

Bagi bidang sinografi pada skop sejarah, pengkaji dapati ramai nama-nama terkenal yang telah banyak memberi sumbangan dalam bidang sinografi melalui kajian ilmiah yang ditemui. Antara nama-nama atau tokoh yang terkenal itu adalah *Appia A. (1862)* *Svoboda J. (1920)* *Craig C. (1872)* dan *Wilson R. (1941)*. Manakala bagi tokoh sinografi di Asia dan Malaysia pengkaji jadikan rujukan adalah Hamzah Mohamed Tahir (1996). Dalam bidang sinografi ini, mereka banyak menyumbangkan idea dan dianggap sebagai pelopor. Walaupun negara Malaysia kini menempuh arus permodenan dan peningkatan teknologi secara drastik, namun idea dan pendapat mereka masih diguna pakai oleh sinografer-sinografer di Malaysia kerana hasil kerja mereka sangat berkualiti dan memberi impak yang sangat besar kepada setiap produksi yang sedang berlumba-lumba untuk membuat persembahan pada masa kini. Buat mereka yang peka dengan keadaan semasa bidang sinografi, di Malaysia betapa kurangnya pengiat seni atau akademia yang berpengalaman dalam bidang ini.


Menurut Hafshizan Hashim (2017), mengatakan mengenai penghasilan diorama, diorama ialah model skala atau binaan kecil dalam bentuk tiga dimensi. Binaan ini direka untuk menguji keberkesanan sesebuah set sebelum membuat set yang sebenar. Bagi kajian ini, pengkaji telah membina sebuah diorama panggung Mak Yong Kelantan yang skalanya $\frac{1}{4}$ dari saiz asal iaitu suku dari saiz sebenar. Jadi kajian ini akan memberi banyak kelebihan dan impak positif kepada pihak berkenaan, antaranya untuk tujuan pelestarian, pendidikan, instalasi, rujukan dan banyak lagi kerana apabila terciptanya sebuah diorama ianya lebih mobiliti untuk di guna dan dibawa untuk pelbagai tujuan



mengikut situasi, keperluan kemahuan dan permintaan. Ini berkait rapat dengan konsep Mak Yong yang mempunyai pengkaitan dengan pergerakan dalam merantau. Jika diperhatikan dalam persembahan Mak Yong, dapat dilihat ketika pelakon melakonkan sesuatu babak jika hendak ke sesuatu tempat mereka akan bergerak dalam bulatan untuk melambangkan perubahan lokasi atau merantau ke tempat lain. Para pemain Mak Yong pada zaman dahulu juga perlu merantau untuk bermain Mak Yong, maksudnya pemain pemain Mak Yong akan merantau dari kampung ke kampung untuk mengadakan sebuah persesembahan danoleh disebabkan itu, panggung Mak Yong pada zaman itu dikenali reka bentuknya kerana bahan bahan yang diperbuat daripada alam semulajadi yang mudah diperolehi di kawasan kampung dan agak mobil untuk dipindahkan ke tempat lain.



Bagi kajian ini pengkaji memberi fokus kepada 3 pembolehubah iaitu sinografi berfokuskan pada diorama, teknik *Pepper's Ghost* dan juga panggung Mak Yong Kelantan. Rajah berikut merupakan pecahan pada pembahagian 3 elemen utama.



Rajah 1.1. Elemen Utama Kajian



Jadi berdasarkan rajah diatas, merupakan 3 pecahan elemen utama kajian untuk dijadikan dapatan karya kreatif. Penggunaan rajah ini juga merupakan satu startegi dimana untuk memastikan karya kreatif ini dapat dicapai terutamanya bagi memberi satu inovasi baru. Bagi pengumpulan data, pengkaji telah menguna pakai teori '*Grounded Theory*'. Oleh itu, kajian lapangan dan pengumpulan data bermula apabila pengkaji bertemu Wan Midin pada Program Penyelidikan dan Rakaman Mak Yong Dewa Pechil anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan Kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan di JKKN Kelantan pada 1 April 2021. Dr. Patricia Hardwick telah memperkenalkan pengkaji pada beliaudimana dalam program ini Wan Midin merupakan pelakon yang membawa watak Peran Tua. Selesai pementasan tersebut pengkaji terus berjumpa dengan Wan Midin bagi menerangkan serba sedikit mengenai kajian. Beliau seorang yang sangat peramah dibantu isteri beliau iaitu Mek Nisah yang juga merupakan pemain Mak Yong. Walaupun keadaan kesihatan Wan Midin tidak begitu mengizinkan namun kerana cintakan kesenian ini beliau tetap teruskan dan beliau juga sangat terbuka untuk menerima generasi baru yang ingin mempelajari Mak Yong lebih lagi mereka yang berasal dari negeri Kelantan. Ini kerana walaupun Wan Midin mempunyai 6 orang anak namun kesemua anak beliau tidak berminat dan tidak mahu mengikut jejak beliau didalam dunia Mak Yong. Oleh itu, para pengiat seni perlu menggunakan peluang yang ada untuk menghargai atau mempelajari daripada beliau mengenai panggung Mak Yong kerana Wan Midin sendiri amat terbuka untuk berkongsi ilmu mengenai panggung tradisional Mak Yong Kelantan.

Kesenian Mak Yong merupakan sebuah identiti kesenian tradisional bagi negeri Kelantan dan dunia telah memberi pengiktirafan yang tertinggi kepada seni Mak Yong



diiktiraf sebagai Karya Agung Warisan Tidak Ketara Kemanusiaan, *A Masterpiece of the Oral and Intangible Heritage of Humanity* rakyat Malaysia oleh UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*) pada 25 November 2005. Uniknya Mak Yong ini, merupakan sebuah teater muzikal tradisional yang menggabungkan elemen tarian, lakonan, nyanyian dan muzik di dalam satu persempahan. Jadi bagi pengkaji mengapa tidak diberi penekanan pada aspek panggung. Umum mengetahui identiti sangat penting bagi melambangkan mercu tanda sesebuah negeri atau negara walau dilihat dari aspek politik, ekonomi, masyarakat atau kehidupan namun dapat dilihat kini di Malaysia identiti kesenian tradisional semakin pudar.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Kelantan atau pihak tertentu seharusnya berusaha

memastikan kelangsungan Mak Yong dan juga warisan seni budaya terus dilestarikan. Menurut Hardwick (2020) dalam artikel beliau yang bertajuk Mak Yong *UNESCO “Masterpiece” mengatakan “incorporated into national displays of Malaysian cultural heritage since the mid-1970s, Mak yong was declared a Masterpiece of the oral and Intangible Heritage of Humanity by UNESCO in 2005”.*(m.s.67). Dahulu kesenian ini penting kerana selain bertujuan perubatan ia juga merupakan salah satu hiburan dikalangan masyarakat. Jadi masyarakat kini sangat beruntung kerana mempunyai pengiat seni yang sanggup memperjuangkan kesenian ini sehingga diiktiraf pada tahun 2005 oleh UNESCO sebagai salah satu kesenian tradisional yang terjaga. Secara tidak langsung kajian ini dapat membantudan menyokong lagi kesenian tradisional Mak Yong kerana seperti dinyatakan ianya semakin diambah kepupusan jadi dengan adanya bantuan tertentu seperti diktiraf UNESCO setidaknya generasi akan datang mengetahui tentang kewujudan Mak Yongdi negara kita. Tidak dinafikan



generasi kini hanya mengenali Mak Yong moden yang dilihat pada ruang panggung yang sedia ada, jadi bagaimana sebagai pengiat seni hendak memberitahu pada generasi kini bahawa di dalam persembahan Mak Yong tradisional asli adanya sebuah panggung yang unik. Era globalisasi kini menyebabkan kesenian reka bentuk panggung semakin dilupakan kerana kesenian ini sentiasa di adaptasi dari masa ke semasa mengikut kesesuaian tambahan lagi dengan pelbagai pendapat oleh masyarakat yang sangat sensitif dengan isu ritual dan kini pementasan Mak Yong diadakan hanya untuk sekadar persembahan hiburan semata mata dan disebabkan itu generasi kini kurang mengetahui bagaimana reka bentuk panggung Mak Yong Kelantan.

Sememangnya agak sukar untuk memperjuangkan sebuah kesenian tradisional lebih lagi yang berkait dengan isu sensitif seperti ritual dan sebagainya, sehingga perlu melibatkan campur tangan pihak tertentu seperti pengkaji kesenian juga tokoh. Jadi mereka berusaha gigih mencari jalan penyelesaian untuk memastikan kesenian tradisional dapat diteruskan walaupun tidak secara keseluruhan sekurangnya ia tetap dilestarikan. Di antara pengkaji kesenian tradisional Mak Yong yang popular ialah Ghulam Sarwar Yusouf, Mubin Sheppard, Patricia Ann Hardwick dan beberapa orang lagi. Selain itu, didalam sebuah penulisan buku iaitu *Performance, Popular Culture and poetry in Muslim Southeast Asia*, Hardwick (2013):

The mak yong-main ‘teri performance that I observed and documented in 2005-2006 were held either in the front room of a patient’s home, or in a panggung, a temporary roofed structure, built in a yard adjacent to the house. Larger performances held outside of the house required a permit, granted the discretion of local authorities. (m.s.97)





Panggung pada zaman dahulu di bina di hadapan rumah untuk proses perubatan dan memerlukan permit kelulusan tertentu oleh pihak kerajaan negeri. Jadi ianya agak terbatas untuk mengadakan pementasan Mak Yong dan secara tidak langsung agak terhad untuk melihat reka bentuk panggung. Selain itu, kos zaman kini juga merupakan salah satu isu mengapa panggung Mak Yong Kelantan tidak lagi dibina kerana perlu mendapatkan bahan-bahan alam semula jadi seperti buluh, daun nipah, akar, juga kadar upah dan kos-kos lain yang semakin meningkat. Juga isu penerimaan masyarakat setempat terhadap kesenian tradisional kerana mereka berpendapat kesenian ini bising dan tidak bersesuaian. Tambahan lagi, kini di negeri Kelantan sendiri telah mengeluarkan pelbagai garis panduan dan pantang larang jika ingin mengadakan sesebuah persembahan kesenian tradisi. Sekali gus, ia membuatkan generasi kini semakin kurang berminat untuk meneruskan legasi Mak Yong dan membuatkan generasi kini tidak lagi mengetahui bagaimana reka bentuk panggung Mak Yong.

Kelantan.

Menurut Hardwick (2020) oleh Che Kem dalam artikel beliau yang bertajuk Mak Yong a UNESCO “Masterpiece”:

“The first person to teach Mak Yong at ASWARA was “the late and blessed Khatijah Awang” who was a member of a troupe, Kumpulan Seri Temenggung “that had already changed mak yong and made its performance suitable as a form of performance for stage, not a traditional performance in a simple roofed farm building or its type. So the structure of performance that the late and blessed (Kak Jah) instructed to the students of ASWARA already followed the staging for a formal audience, not staging to affect semangat or spirit”. (m.s.72)

Selain ‘panggung’ ia juga dipanggil sebagai ‘Bangsal’. Tambah Hardwick (2020), mengatakan, “as Mohamad Kamarulzaman notes, traditionally trained





performers who teach at ASWARA are encouraged to teach an urban form of Mak Yong that has been adapted to suit Western notions of acting, simplified linear stories and a proscenium stage". (m.s.74). Dapat lihat pelbagai usaha dibuat antaranya menjadikan Mak Yong sebagai mata pelajaran di universiti, ini harus diteruskan kerana kesenian tradisi Mak Yong ini akan mengalami perubahan tertentu mengikut peredaran masa. Dimana naskah atau panggung diadaptasi supaya bersesuaian dengan pementasan atau proses pembelajaran, struktur juga mungkin tidak sama dimana keselesaan penonton dan bentuk pentas ini semua bergantung kepada peredaran masa dan kemajuan teknologi yang ada. Di Malaysia terdapat membeberapa institusi pengajian yang menerapkan kesenian tradisional dan ramai pelajar yang mempunyai bakat tertentu seperti menyanyi, menari dan berlakon dengan baik tetapi agak kurang diberi penekanan pada sinografer atau para pereka mengenai panggung tradisional Mak Yong Kelantan.



Menurut informan Mak Yong iaitu Mohd Agel (2021), mengatakan “menjadi lumrah manusia untuk kita dekat dengan alam kerana kita manusia dijadikan juga dengan unsur unsur alam iaitu gabungan tanah, air, api dan juga angin”. Data ini diperolehi apabila pengkaji turun ke lapangan bersama Dr Patricia Hardwick di Kampung Selising, Pasir Putih, Kelantan. Dari kenyataan tersebut telah menjadi asas dalam kesenian tradisional yang saling berkaitan dengan empat penjuru atau bucu panggung iaitu tanah, air, api dan angin. Menjadi satu kelebihan bagi orang kampung pada zaman dahulu, dimana jika kesenian Mak Yong dimainkan, tuan rumah akan menyediakan bangsal atau panggung buat para pemain jadi mereka hanya akan datang dan membuat persembahan sahaja. Jadi ia merupakan satu kelebihan buat orang kampung atau tuan rumah pada zaman itu dimana jika mereka ingin mengadakan persembahan Mak Yong mereka harus terlebih dahulu mendalami dan mengetahui reka





bentuk panggung untuk dibina. Seperti dinyatakan untuk membina bangsal ini memerlukan beberapa bahan yang berkaitan dengan alam, binaanya harus mengikut ‘jatuh naik’ dan juga beberapa syarat lain supaya mencukupisyarat sebagai panggung tradisional Mak Yong Kelantan.

Keistimewaan panggung zaman dahulu ialah tiada had bagi tempat duduk penonton yang membuatkan mereka yang datang dengan selesa, berborak, berkenalan, beramah mesra dan juga bebas untuk duduk di setiap sudut panggung. Juga disebabkan jarak panggung dan penonton yang agak dekat membuatkan penonton dan para pemain mempunyai hubungan seperti pergerakan dan emosi mudah untuk diterima, oleh kerana itu, panggung di kampung lebih memberi impak komunikasi dua hala kepada para pemain dan juga penonton. Selain itu, pada panggung juga terdapat buluh melintang yang mengelilingi panggung seperti pagar atau penghalang, dimana ianya diikat dua kaki dari tanah dan dipanggil sebagai “kon” ini supaya orang luar tidakmasuk melebihi panggung dan juga ada pantang larang supaya tiada penonton yang melewati buluh tersebut dan jika ia di aplikasi pada zaman kini ianya merupakan penghalang jarak tempat untuk pemain Mak Yong dan penonton.

Pengkaji telah melakukan pengdokumentasian dengan menggunakan antologi tempatan persembahan tradisional untuk memahami keseluruhan aspek pentas atau panggung Mak Yong Kelantan dimana panggung ini telah dibina mengikut skala yang lebih kecil iaitu $\frac{1}{4}$ atau suku dari saiz sebenar, jadi pengkaji mengunakan skala 4x2 kaki dimana saiz asalnya ialah 16x14 kaki. Namun begitu walaupun skalanya dikecilkan tetapi semua bahan, ukuran dan proses bagi pembinaan panggung Mak Yong Kelantan dipenuhi. Pengecilan skala adalah bertujuan bagi memudahkan





masyarakat yang ingin melihat sendiri model panggung ini, jadi model ini boleh dibawa kemana sahaja untuk dipamerkan sebagai rujukan. Selain itu, buat yang berminat boleh membina panggung ini mengikut saiz dan kos tertentu, sebagai contoh jika mempunyai bajet yang kecil boleh membina panggung dengan ukuran skala yang kecil atau separuh dari saiz sebenar atau jika mempunyai bajet yang besar boleh membina saiz asal panggung tersebut. Jadi tiada alasan untuk sesebuah masyarakat lebih lagi masyarakat Kelantan itu sendiri tidak mengetahui bentuk panggung Mak Yong Kelantan kerana ianya semakin dipermudahkan dan ini juga merupakan satu pendedahan yang positif supaya generasi ini mengetahui rekabentuk panggung Mak Yong Kelantan. Begitu juga dengan saiz ukuran pada teknik *Pepper's Ghost* dibuat mengikut skala bersesuaian dengan panggung. Di samping dapat mempelajari rekabentuk panggung Mak Yong Kelantan dan teknik *Pepper's Ghost* generasi ini didedahkan dengan ilmu sinografi dalam pengubahskala dari saiz asal ke saiz diorama.



Selain itu, teknik *Pepper's Ghost* bersesuaian dengan teknologi moden kerana persembahan atau pementasan era kini semakin berlumba lumba dengan persembahan teater virtual juga hibrid. Tambahan lagi buat sinografer atau pereka di luar negara mereka telah mengunakan teknik ini dan telah menembusi pelbagai bidang. Teknik *Pepper's Ghost* merupakan sebuah teknik ilusi yang digunakan di dalam pementasan teater dan beberapa helah magis. Dimana teknik ini menggunakan kepingan kaca dan teknik pencahayaan khas, teknik ini dapat membuatkan objek kelihatan hilang dan muncul secara tiba-tiba (*Institute of Customer Experience*, 2012). Bagi teknik yang ini diberi nama sempena John Henry Pepper, dimana pada tahun 1860-an beliau merupakan orang pertama yang menunjukkan teknik *Pepper's Ghosts*.





Jadi teknik ini semakin diguna pakai dan diaplikasi dalam pementasan, cuma pengkaji telah menjalankan teknik ini dalam bentuk yang lebih kecil iaitu bersesuaian dengan diorama panggung yang dibina. Teknik ini juga dipilih pengkaji supaya sesebuah persembahan Mak Yong tetap dijalankan, tidak kira masa dan tempat, juga memudahkan pemain Mak Yong, dimana walaupun para pemain tidak berada di lokasi atau satu panggung yang sama sesebuah persembahan Mak Yong tetap berjalan seperti biasa. Selain itu, untuk pengkaji menekankan aspek sinografi yang juga memberi maksud ‘aspek kekaguman’, oleh itu, dengan menggunakan teknik ini pada diorama panggung dapat mengangkat aspek tersebut kerana dua elemen digabungkan menjadi satu. Kita dapat lihat kini kemudahan teknologi semakin pantas berkembang dan terus meningkat, jadi pengkaji mengambil teknik ini supaya, sekurangnya rekabentuk panggung Mak Yong Kelantan dapat dipelajari.



Model atau diorama ini telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan data data yang diperolehi dari informan panggung iaitu Wan Midin, tambahan lagi, pengkaji menggunakan teori ‘Grounded Theory’ bagi kajian dan setiap proses pembuatandan pembinaan di dokumentasikan sebagai bukti pengkaji menjalankan kajian ini dan sebagai rujukan masa hadapan. Menurut Ghulam (2019) dalam buku “*Mak YongWorld Heritage Theatre*” menyatakan “*The stage, Rural Mak Yong performance are staged in the round. A traditional Mak Yong theatre (panggung or bangsal) conforms to certains principles of design and alignment. Open on all sides, it is usually a temporary structure built of attap and bamboo on ground floor level*”(m.s.44). Keaslian sebuah panggung tradisional Mak Yong Kelantan bukan hanya terletak pada rekabentuknya sahaja tapi juga pada penggunaan bahan, proses pembuatan dan kesenian pembinaan yang sangat menarik, jika dilihat pada pementasan kini yang diadakan di dewan atau



ruang konvensional dimana pentasnya berbentuk proscenium, berbanding dengan panggung dulu tiada dinding, semua bahagian terbuka menjadikan penonton boleh menikmati persembahan dari pelbagai sudut, selain itu penonton juga dapat melihat sendiri rekabentuk panggung, jadi ini membuatkan penonton selesa dan sekaligus dapat menarik lagi penonton untuk menghargai kesenian panggung Mak Yong. Struktur pembinaan yang menarik membuatkan rekabentuk panggung ini mempunyai nilai estetiknya, selain dari penggunaan bahan, tempat persembahan itu sendiri sangat dekat dengan penonton dimana dimainkan diatas tanah dan selaras dengan penonton yang membuatkan penonton, pelakon, panggung dan elemen lain bersatu.

Kita dapat lihat kini di Indonesia persembahan Wayang Kulit di persembahkan secara langsung melalui talian sosial media. Jadi pengkaji ingin mengangkat kesedaran dimana arus akademik modern dapat membantu melestarikan kesenian tradisional. Jadi pengkaji mengambil inisiatif pengabungan inovasi dalam sesebuah kesenian dimana gabungan dua elemen disatukan iaitu teknologi dan tradisional disatukan. Pengiat seni kini perlu lebih kreatif kerana perubahan teknologi dan trend yang semakin pantas. Jika dulu kesenian tradisional bermula di bangsal atau panggung juga dijadikan sebuah kesenian “*Palace Performance*” dimana persembahan Mak Yong ini diadakan di dalam istana. Seterusnya sehingga dimainkan di Kelantan pada Temenggung memang adanya panggung pada istana. Selepas itu, perlahan lahan berlaku modeifikasi sehingga kini pementasan Mak Yong dibawa masuk ke pentas konvensional yang semakin diminimalkan segala aspek sinografinya. Namun itu bukan satu alasan untuk pengiat seni berhenti dari mempertahankan kesenian tradisional Mak Yong.

Bagi teknik *Pepper's Ghost* antara ciri-cirinya ialah penonton harus berupaya untuk melihat ke dalam ruang utama pentas tetapi tidak boleh melihat ke dalam ruang tersembunyi, setiap hujung kaca kadangkala disembunyikan, ruang tersembunyi kadangkala perlu sama dengan ruang utama, dan ruang tersembunyi haruslah diwarnai dengan warna hitam. Suatu masa dahulu, teknik ini memerlukan pelakon berada di dalam ruang tersembunyi dan kemudian akan dipancarkan pencahayaan ke atas pelakon tersebut bagi mewujudkan imej seakan hantu diatas pentas. Akan tetapi, kini telah wujud banyak teknologi seperti skrin LCD dan projektor yang boleh membantu menterjemahkan teknik *Pepper's Ghost* sebagai satu seni yang lebih menarik. Menjadi satu kerugian besar bagi sebuah kesenian tradisi, jika tidak menggunakan kemajuan teknologi sebagai bantuan lebih lagi untuk melestarikan seni tradisi.



05-4506832

Menurut Ahmed Elmorshidy (2010), dimana beliau telah menerangkan mengenai



ptbupsi

teknologi baru yang dikenali sebagai projeksi holografi. Dimana teknik atauprojeksi holografi ini membawa kesan besar terhadap semua bidang kehidupan termasuklah perniagaan, pendidikan, sains, seni, dan juga penjagaan kesihatan. Jadi kesempatan ini harus diambil untuk pengiat seni terus mencari teknologi baru yang boleh diaplikasi lebih lagi untuk sesebuah kesenian tradisional, sebagai contoh, kesenian tradisional Mak Yong yang semakin pudar kerana peningkatan teknologi moden, jadi mengapa tidak diambil teknologi lain untuk digabungkan supaya kesenian tradisional dapat ditonjolkan pada masyarakat. Jadi dalam tidak sedar, walaupun sedang menyaksikan teknik *Pepper's Ghost* dalam masa sama dapat melihat reka bentuk diorama panggung Mak Yong Kelantan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.5 Imaginasi Idea Penciptaan

Pengkaji mula mendapat idea apabila cuba untuk melihat kesenian tradisional yang popular di Kelantan, pengkaji dapati kesenian popular di negeri Kelantan pada masa kini ialah kesenian tradisional Mak Yong. Setibanya di Kelantan pengkaji telah menonton beberapa siri pementasan Mak Yong yang agak menarik cuma untuk sudut sinografi fokus banyak diberikan pada aspek busana tatarias dan aspek pencahayaan sahaja. Tambahan lagi setiap pementasan diadakan di dalam ruang dewan atau auditorium yang telah disediakan. Jadi timbul persoalan bagi pengkaji ialah bagaimanakah rupa bentuk panggung Mak Yong Kelantan? Ini telah mencetuskan tanda tanya dan membuatkan pengkaji ingin lebih mendalam mengenai panggung Mak Yong Kelantan. Kesenian tradisional ini begitu menarik dari semua aspek iaitu pada jalan cerita, keaslian, sejarah dan sebagainya namun agak kurang pada aspek ruang atau panggung. Jadi pengkaji mendapat idea untuk fokus dan memberi penekanan pada aspek diorama panggung Mak Yong Kelantan memasukkan teknik *Pepper's Ghost* di dalam diorama panggung tersebut.

Jadi untuk imaginasi idea penciptaan, pengkaji telah merangka 3 fasa persembahan atau gerak kerja untuk dijadikan rujukan iaitu dimulakan dengan Pra produksi, dimana pengkaji memilih Mak Yong sebagai sebuah kesenian tradisional yang semakin kurang aktif di Kelantan untuk diambil sebagai kajian dari aspek diorama panggung. Setelah itu pengkaji memilih teknologi yang bersesuaian untuk di aplikasikan dalam diorama panggung Mak Yong Kelantan, pengkaji akan menjalankan uji kaji yang bersesuaian ke atas beberapa teknologi seperti hologram, mapping, polykran dan sebagainya. Setelah melakukan kajian ke atas teknologi tertentu pengkaji





telah memilih teknik *Pepper's Ghost* untuk diaplikasi pada panggung. Selepas itu, pengkaji telah melakukan kajian lapangan untuk mengumpul data bersama informan panggung Mak Yong Kelantan, tambahan lagi, pengkaji menggunakan data tersebut untuk penghasilan kajian ini dengan mengunapakai teori ‘*Grounded Theory*’ dimana dengan mengunapakai dapatan data ini dibangunkan teori dapatan kajian. Apabila selesai fasa pertama, diteruskan dengan fasa produksi, dimana untuk fasa ini setelah selesai mengumpul data, pengkaji terus membina diorama Panggung Mak Yong Kelantan, mencipta aplikasi *Pepper's Ghost* mengikut skala diorama panggung dan melakukan rakaman tarian mengadap rebab untuk di pancarkan pada *Pepper's Ghost*.

Seterusnya ialah gerak kerja fasa terakhir iaitu pasca produksi, pada fasa ini rakaman tayangan untuk penonton dan pihak berkenaan dilakukan, iaitu menonton rakaman persembahan tarian Mengadap Rebab pada aplikasi *Pepper's Ghost* di dalam diorama panggung Mak Yong Kelantan dan fasa terakhir ini di selesaikan dengan dapatan kajian. Mak Yong merupakan sebuah kesenian tradisional yang terkenal di negeri Kelantan jadi pengkaji cuba mengangkat kesenian tradisional ini terutamanya untuk generasi baru. Namun, pelbagai halangan terjadi, antaranya yang paling memberi kesan kepada industri seni ini ialah pandemik Covid19 yang juga membataskan perjalanan kajian ini. Jadi pengkaji mendapat idea untuk memberi pendedahan mengenai elemen sinografi, tujuan pelestarian dan pendidikan dengan memilih diorama panggung Mak Yong Kelantan. Selain itu, kelebihan kajian memberi keselesaan buat para penonton untuk memilih durasi masa persembahan sebagai contoh jika pada zaman dahulu sebuah persembahan Mak Yong memakan masa seminggu atau 3 ke 4 hari, Mak Yong moden kini memakan masa 3 hingga 4 jam, namun dengan adanya panggung diorama kajian ini membuatkan penonton lebih selesa untuk menentukan sendiri durasi





persembahan untuk mereka tonton kerana bagi pengkaji untuk menarik minat suatu masyarakat terhadap sebuah kesenian kita perlu hidangkan apa yang mereka inginkan dan memberi impak yang besar.

Setelah menjalankan penelitian pada beberapa teknologi dan inovasi pengkaji telah memilih teknik *Pepper's Ghost* untuk dimasukkan dalam kajian kerana salahsatu keistimewaanya ialah dapat mewujudkan kembali benda yang sudah tiada, seperti orang yang sudah meninggal dunia atau tokoh tokoh yang sudah uzur untuk melakukan persembahan. Selain itu, sebagai contoh Mak Yong tradisional tidak akan kekal selama lamanya kerana pengiat atau tokoh ini semakin berumur dan jika dilihat buat masa kini hanya pementasan Mak Yong moden yang ada, jadi pengkaji mengangkat teknik *Pepper's Ghost* ini sebagai satu komentari dimana kesenian ini harus dijaga jika tidak kemungkinan hanya bayangan sahaja yang tinggal pada masa hadapan, dimana ia seperti satu bayang tradisi dan yang ada hanya Mak Yong Patuh Syariah atau Mak Yong moden sahaja.

Teknik *Pepper's Ghost* dipilih pengkaji kerana ianya bersesuaian diaplikasikan tidak kira masa sebagai contoh jika persembahan Mak Yong hendak diadakan namun terdapat halangan seperti adanya wabak *Covid-19*, jadi ini merupakan salah satu solusi untuk persembahan tetap diteruskan. Oleh itu, tiada alasan untuk sesebuah kesenian tradisional dilupakan kerana pengiat harus cepat mencari alternatif bagi memastikan kesenian tradisional terus dilestarikan. Selain itu, dengan menggunakan aplikasi *Pepper's Ghosts* juga dapat mengembalikan kesenian tradisi dimana pada Mak Yong tradisional dahulu bagi tarian mengadap rebab ianya dimainkan oleh perempuan jadi dengan situasi semasa di negeri Kelantan yang harus mengikuti pantang larang





atau patuh syariah, iaitu perempuan tidak digalakkan untuk membuat persempahan di khalayak sebagai contoh kini, persempahan Mak Yong patuh syariah dimainkan oleh lelaki, jadi ini merupakan salah satu inisiatif untuk mengambarkan tradisi menggunakan teknologi dan dalam masa yang sama mengikut syariah yang ditetapkan di Kelantan. Dengan aplikasi *Pepper's Ghost* akan mengembalikan tradisi lama dimana tarian Mengadap Rebab dibawa oleh perempuan sebagai penari Mak Yong dan dalam masa sama tidak melanggar syariah. Jadi dengan menggunakan aplikasi ini bukan sahaja dapat melestarikan kesenian tradisi dengan penari perempuan membawa tarian Mengadap Rebab, juga dapat mengekalkan adat istiadat lama dimana watak dalam persempahan Mak Yong dimainkan oleh orang perempuan.

